

KONSEP SAHSIAH REMAJA MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN

MUHAMMAD HAZIQ BIN SAHARUDDIN
SAHLAWATI ABU BAKAR
sahlawati@kuis.edu.my

Jabatan Al-Quran Dan Al-Sunnah
Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Pada zaman yang mencabar ini, remaja lebih cenderung untuk melakukan apa sahaja yang disukai oleh mereka dan yang sesuai dengan keinginan mereka. Pelbagai masalah atau kes-kes gejala sosial yang berlaku di dalam masyarakat terutamanya terhadap golongan remaja. Matlamat kajian ini ialah mengkaji konsep sahsiah remaja menurut perspektif Al-Quran. Kajian ini menggunakan metode analisis dokumen yang dibuat secara deduktif. Dapatan kajian menunjukkan Al-Quran adalah sumber terbaik dalam proses membentuk sahsiah remaja. Al-Quran membuktikan bahawa ia sebagai sebaik-baik sumber dalam kehidupan manusia dalam membentuk jiwa manusia dalam mematuhi syariat Islam.

Kata Kunci: Sahsiah, Remaja, Al-Quran.

1.0 Pendahuluan

Dewasa ini masalah keruntuhan akhlak di kalangan remaja amat membimbangkan. Berita mengenai isu gejala sosial ini sering menghiasi lembaran media massa. Namun begitu masalah ini masih terus berleluasa walaupun pelbagai usaha telah dilakukan untuk mengatasi masalah tersebut. Di manakah silapnya setiap langkah pencegahan yang telah diambil?

Persoalan ini perlu difikirkan bersama dalam memastikan keharmonian negara tetap terpelihara. Penagihan dadah merupakan masalah gejala sosial yang telah menggugat keamanan negara. Sekiranya masalah ini tidak diatasi dengan segera maka musnahlah segala matlamat negara untuk melahirkan generasi yang berwawasan dan maju jaya.

Oleh itu setiap individu perlu peka terhadap isu semasa dan mengambil langkah-langkah yang efektif bagi membendung masalah ini. Penyelesaian masalah ini adalah tanggungjawab bersama.

2.0 Maksud Pembentukan Sahsiah

Maksud pembentukan dalam kamus Dewan edisi keempat tahun 2011 ialah perihal seperti perbuatan dan usaha dalam membentuk. Sahsiah adalah perkataan Bahasa Arab yang membawa maksud keperibadian atau peribadi (Kamus Dewan, 2011). Maksud peribadi pula ialah manusia sebagai diri sendiri, sikap seseorang yang sudah sehati dengan diri sendiri untuk membentuk watak dirinya. Ia juga menggambarkan sifat personaliti unik individu yang membezakan dirinya dengan individu yang lain.

Sahsiah merujuk kepada sistem tingkah laku individu. Ini bererti setiap individu ada cara bertindak yang tersendiri dan cara bertindak itu adalah lebih kurang sama ada dari sehari ke sehari. Sahsiah sebagai perkaitan antara penilaian, perasaan, emosi dan perlakuan manusia. Selain itu, sahsiah juga merujuk kepada pembentukan psikologi seseorang individu secara keseluruhan. Ini merangkumi perangai, kecerdasan, sentimen, sikap, minat, kepercayaan, cita-cita dan nilai-nilai.

3.0 Maksud Remaja

Remaja ditakrifkan sebagai golongan yang berusia di antara 13 hingga 24 tahun. Tempoh ini merupakan tahap awal persediaan dan peralihan seseorang individu dari alam kanak-kanak menuju alam remaja dan dewasa. Memang tidak dapat dinafikan bahawa usia ini adalah antara tahap yang paling mencabar bagi seseorang kerana berhadapan dengan pelbagai perubahan yang berbentuk fizikal dan mental. (Mohd Yusuf Ismail, T.T).

Dalam Islam, remaja dibahagikan kepada dua peringkat iaitu peringkat pertama adalah peringkat selepas bermimpi yang usianya bermula daripada 12 tahun atau 13 tahun sehingga 21 tahun. Peringkat yang kedua pula adalah peringkat kematangan yang mana bermula daripada usia 22 tahun sehingga 30 tahun. Dalam Islam, peringkat pertama dianggap remaja, iaitu bermula baligh hingga ke usia 21 tahun. Peringkat awal remaja bermula kira 12 tahun sehingga 15 tahun. Sungguhpun begitu, peringkat remaja perlu dilihat sebagai suatu proses bukannya sebagai satu jangka masa. (Ahmad Tarmizi Talib, 2012).

3.0 Jenis-jenis Keruntuhan Akhlak

i. Penagihan Dadah

Dewasa ini negara kita telah diancam masalah dadah yang semakin berleluasa. Pemuda-pemudi negara menjadi lemah akibat dadah. Masalah ini umpama najis yang semakin hari semakin mencemarkan keharmonian negara. Dadah telah merugikan negara dari pelbagai aspek. Daripada sebuah negara yang aman, bersih dan cantik dengan pemandangan-pemandangan yang indah, kini Malaysia merupakan salah sebuah negara yang teramai penagih dadah. (Zakaria Stapa, 2012).

ii. Rogol

Perkataan rogol bermakna satu perbuatan memperkosa atau mencabul kehormatan seseorang wanita. Perbuatan yang tidak berperikemanusiaan ini adalah dikeji dalam agama Islam dan amat terkutuk di sisi Allah S.W.T. Islam menganjurkan umatnya hidup dalam keadaan aman dan damai. Oleh sebab itu Allah S.W.T melarang keras perbuatan tersebut. (Hamimah Abu Naim, 2015).

Namun kini fenomena ini menjadi igauan setiap wanita di negara ini. Mengikut statistik jenayah yang terbesar adalah kes rogol. Malah kes rogol ini menjadi lebih berat apabila kita dikejutkan dengan siri pembunuhan rentetan peristiwa ini. Perbuatan yang didorong oleh nafsu dan sifat tidak bertimbang rasa ini telah mengkaburkan mata seorang bapa, datuk dan abang merogol wanita darah daging sendiri.

4.0 Punca-punca Penghakisan Sahsiah Remaja

i. Sikap Remaja

Sikap malas dan tidak berminat untuk belajar adalah antara punca utama remaja terlibat dalam masalah sosial bermula daripada tahap ringan seperti ponteng kelas, ponteng sekolah, bergaduh dan melawan guru. Sikap suka ponteng kelas dan ponteng sekolah boleh mendorong remaja lepak di pasar raya, mengunjungi cyber café, serta berkawan dengan rakan-rakan yang tidak bersekolah. Kebiasaan mengamalkan salah laku yang ringan akhirnya boleh menjerumuskan remaja kepada tingkah laku yang lebih berat seperti menghisap rokok dan terlibat dalam gejala menghisap dadah, mencuri dan melakukan pelbagai salah laku yang lain. (Amna Md. Noor, 2001).

ii. Kurang Penghayatan Didikan Agama

Pendidikan agama yang sempurna merupakan didikan yang tidak terbatas kepada mengajar hukum-hakam atau menghafal ayat-ayat Al-Quran atau hadis semata-mata. Pendidikan sebegini sebenarnya adalah permulaan kepada suatu proses tarbiyyah yang menuntut penghayatan dan pemahaman seterusnya pengamalan terhadap ajaran-ajaran tersebut. Hal ini lahir dari jiwa yang sedar terhadap tanggungjawabnya kepada Maha Pencipta. (Husin Junoh, 2011).

Dewasa ini di antara penyebab keruntuhan akhlak ialah kurangnya pendidikan agama. Hal ini terjadi apabila ajaran agama tidak diutamakan dalam kehidupan. Agama adalah benteng yang paling utuh dalam menghadapi cabaran hidup. Agama mampu menghalang segala ancaman samada dari segi jasmani, material ataupun rohani. Sesiapa sahaja yang berpegang teguh dengan agama akan selamat di dunia dan di akhirat.

iii. Keruntuhan Institusi Keluarga

Keluarga merupakan tunggak kekuatan dalam sesebuah masyarakat. Ini bermaksud tanpa keluarga yang harmoni maka tidak wujudlah sesebuah masyarakat dan negara yang aman.

(Sapora Sipon, T.T). Apabila sesebuah keluarga itu porak peranda hancurlah sesebuah masyarakat. Seseorang individu yang menghadapi masalah pergolakan keluarga akan mendorongnya mencari jalan penyelesaian di luar kawalannya seperti mengambil dadah, heroin atau pil hayal untuk melupakan masalah yang dihadapinya.

5.0 Penyelesaian Pembentukan Sahsiah Remaja Menurut Perspektif Al-Quran

i. Pembentukan Sahsiah Remaja Dengan Baik Sangka Dengan Allah S.W.T

Sejarah nabi-nabi terdahulu membuktikan bahawa proses pembentukan sahsiah dan keperibadian adalah melalui ujian yang dilalui dalam kehidupan. Ujian kehidupan nabi-nabi terdahulu menjadi satu wadah dalam membentuk keperibadian mereka. Dengan itu, insan-insan terpilih yang diangkat darjatnya juga akan diberi ujian yang berat. Manusia yang diuji melalui fasa pentarbiyahan yang hebat yakni baik sangka dengan Allah S.W.T atas ujian yang dihadapinya. (Nur Ashiqah Ridwan, 2000).

Firman Allah S.W.T dalam surah Yusuf ayat 7 hingga 8 :

لَقَدْ كَانَ فِي يُوسُفَ وَإِخْوَتِهِ آيَاتٌ لِّلسَّالِئِينَ ﴿٧﴾ إِذْ قَالُوا لِيُوسُفُ وَأَخُوهُ أَحَبُّ إِلَيْنَا
أَبِينَا مِنَّا وَنَحْنُ عُصْبَةٌ إِنَّ أَبَانَا لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٨﴾

7. Demi sesungguhnya! (Kisah) Nabi Yusuf dengan saudara-saudaranya itu mengandungi beberapa pengajaran bagi orang-orang yang bertanya (tentang hal mereka untuk mengambil iktibar).

8. (Kisah itu bermula) ketika saudara-saudara Yusuf berkata (sesama sendiri): "Sesungguhnya Yusuf dan adiknya, lebih disayangi oleh bapa kita daripada kita, padahal kita ini satu kumpulan (yang ramai dan berguna). Sesungguhnya bapa kita adalah dalam keadaan tidak adil yang nyata."

ii. Pembentukan Sahsiah Remaja Dengan Solat Berjamaah

Solat ialah cara hati untuk menghadap Allah S.W.T sehingga dapat membangkitkan rasa takut kepada Allah S.W.T dan muncul dalam hati tentang keagungan Allah S.W.T. Solat merupakan perkara penting yang wajar diambil berat oleh seluruh umat manusia. Ia sebagai pasak dalam diri seseorang yang akan menentukan baik buruk akhlak dan perjalanan kehidupan di dunia dan di akhirat. Melaksanakan solat merupakan perintah Allah S.W.T yang termaktub di dalam Al-Quran. (Nur Thairah Syamsuddin, 2013).

Firman Allah S.W.T dalam surah Al-Hajj ayat 78 :

وَجَاهِدُوا فِي اللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِ ۗ هُوَ اجْتَبَاكُمْ وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ مِّلَّةَ
أَبِيكُمْ إِبْرَاهِيمَ ۗ هُوَ سَمَّاكُمُ الْمُسْلِمِينَ مِنْ قَبْلُ وَفِي هَذَا لِيَكُونَ الرَّسُولُ شَهِيدًا

عَلَيْكُمْ وَتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ فَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَاعْتَصِمُوا بِاللَّهِ هُوَ
مَوْلَانَكُمْ فَنِعْمَ الْمَوْلَى وَنِعْمَ النَّصِيرُ ﴿٧٨﴾

78. Dan berjihadlah kamu pada jalan Allah dengan jihad yang sebenar-benarnya Dialah yang memilih kamu (untuk mengerjakan suruhan agamanya) dan Dia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama, agama bapa kamu Ibrahim. Dia menamakan kamu: Orang-orang Islam semenjak dahulu dan di dalam (Al-Quran) ini, supaya Rasulullah (Muhammad) menjadi saksi yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu dan supaya kamu pula layak menjadi orang-orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah). Oleh itu, dirikanlah sembahyang dan berilah zakat, serta berpegang teguhlah kamu kepada Allah! Dialah Pelindung kamu. Maka (Allah yang demikian sifatNya) Dialah sahaja sebaik-baik Pelindung dan sebaik-baik Pemberi pertolongan.

iii. Pembentukan Sahsiah Remaja Dengan Tilawah Dan Tadabbur Al-Quran.

Al-Quran merupakan kalam Allah S.W.T yang diturunkan kepada Rasulullah SAW dan membacanya dikira sebagai ibadah. Kedudukan Al-Quran begitu tinggi darjatnya dan manusia wajib meletaknya di tempat yang selayaknya iaitu menghafal, menghayati, memperdengar dan tadabbur setiap maknanya. Namun perlu difahami bahawa bacaan Al-Quran dianggap sebagai ibadah jika ianya dibaca dengan baik dan betul mengikut makhraj dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah S.W.T. (Ahmad Yusuf, 2000). Firman Allah S.W.T dalam surah Al-Muzzammil ayat 4:

أَوْزِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلاً ﴿٤﴾

4. Ataupun lebihkan (sedikit) daripadanya dan bacalah Al-Quran dengan "Tartil".

6.0 Kesimpulan

Remaja masa kini perlu menjadikan kisah-kisah nabi terdahulu sebagai panduan dalam pembentukan sahsiah diri. Ia sebagai panduan agar dapat mencontohi dan mengelakkan daripada berlaku masalah sosial. Proses pembentukan sahsiah perlu kepada latihan berterusan agar ia sehati dalam diri. Tilawah dan tadabbur terhadap ayat-ayat Al-Quran mendapati para nabi membentuk sahsiah diri secara terus daripada Allah S.W.T melalui pelbagai aspek dalam kehidupan seharian. Solat jamaah dilihat aspek penting yang perlu dilakukan dalam proses tersebut, berbaik sangka dengan Allah S.W.T juga aspek utama agar dapat menerima ujian kehidupan, juga membentuk sahsiah dengan tilawah dan tadabbur Al-Quran supaya tidak terlibat dengan perkara yang dilarang agama.

7.0 Rujukan

- Ahmad Mohd Yusuf. 2000. *Sejarah Dan Kaedah Pendidikan Al-Quran*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ahmad Tarmizi Talib. 2012. *Masjid Menjana Pembentukan Belia Rabbani*. Universiti Putra Malaysia.
- Amna Md. Noor. 2001. *Laporan Akhir Kajian Salah Laku Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Dan Rendah: Implikasi Untuk Polisi*. Serdang: Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia.
- Hamimah Abu Naim. 2015. *Delinkuen Pelajar Dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja*. Skudai: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor.
- Husin Junoh. 2011. *Faktor-faktor Keruntuhan Akhlak Remaja Islam Luar Bandar Di Daerah Kota Tinggi Johor*. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Nur Ashiqah Ridwan. 2000. *Rahsia Hati Yang Menakjubkan*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Nur Thairah Syamsuddin. 2013. *Hal-hal Yang Membatalkan Solat Anda*. Selangor: Al-Hidayah House Of Publisher Sdn Bhd.
- Zakaria Stapa. 2012. *Faktor Persekitaran Sosial Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.